

13/04/1998

Gabungan sistem politik di Malaysia berkesan

Makmor Tumin

PANDANGAN pertama lebih menunjukkan kepada sistem politik demokrasi manakala pandangan yang kedua menggambarkan sistem politik autoritarian.

Perbincangan mengenai cara mewujudkan masyarakat atau sistem politik yang sempurna serta bentuk kerajaan yang baik bukanlah perbincangan baru. Ia bukan saja sudah dibincangkan oleh ahli falsafah Yunani seperti Socrates, Plato dan Aristotle dalam era falsafah, malah ia sudah menjadi polemik yang tidak sudah-sudah, beratus-ratus tahun sebelumnya. Dalam konteks yang lebih moden perbincangan yang sama juga turut menjadi intipati dalam dialog mengenai cara mewujudkan masyarakat yang sempurna. Nama pemikir silam seperti Thomas Hobbes, John Locke, Jeremy Bentham, Karl Marx, Engels dan John Stuart Mill adalah antara tokoh ahli falsafah politik yang banyak menyumbang kepada pembentukan dan pemilihan sesebuah corak sistem politik yang sempurna. Dalam konteks yang kontemporari ini, pemikir seperti Robert Nozick dan John Rawls terus giat menyambung wacana dialog berkenaan.

Di Malaysia, sama ada disedari atau tidak, parti politik sama ada dalam kerajaan atau parti pembangkang termasuk juga badan bukan kerajaan (NGO) turut terpengaruh dengan dua pandangan berkenaan. Umumnya, mereka yang berada di dalam parti politik kerajaan berpendapat sebuah sistem politik yang sempurna itu haruslah mementingkan orde dan kestabilan. Manakala sebaliknya, parti pembangkang dan juga NGO lebih mementingkan aspek demokrasi khususnya liberti dan penyertaan. Dari segi hujahnya, kedua-dua pandangan itu mempunyai kekuatan dan kelemahan masing-masing. Mementingkan order dan stabiliti semata-mata dengan mengenyepikan liberti dan penyertaan akan mendorong sesebuah kerajaan itu condong kepada autoritarian dan akhirnya menjadi kuku besi. Sebaliknya memperjuangkan liberti dan penyertaan secara ekstrim akan menimbulkan suasana anarki, huru-hara dan boleh mengakibatkan pertumpahan darah.

Persoalan bentuk sesebuah kerajaan sama ada autoritarian atau demokrasi bukanlah suatu yang penting. Apa yang lebih penting ialah, apakah hasil yang diperolehi daripada melaksanakan sistem berkenaan? Dibandingkan dengan negara membangun yang lain, Malaysia adalah antara beberapa negara yang disegani memandangkan pencapaiannya, bukan saja dari segi sosioekonomi, malah aspek politiknya. Dengan adanya amalan sistem politik seperti sekarang, sama ada autoritarian (pada tanggapan sesetengah golongan) atau demokrasi (pada pandangan golongan lain) membolehkan masyarakat di negara ini hidup dalam keadaan harmoni.

Suatu ciri sistem politik autoritarian yang terpenting ialah sifat sistem politiknya yang represif. Ertinya, kerajaan dalam sesebuah negara yang autoritarian akan mengenakan pelbagai akta dan undang-undang untuk menyekat aktiviti rakyat. Dalam konteks ini, Malaysia bolehlah dianggap sebagai sebuah negara autoritarian memandangkan terdapat pelbagai akta yang boleh menyekat kebebasan (liberty) dan penyertaan rakyat. Contoh akta dan sekatan termasuklah seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA 1960), Akta Rahsia Rasmi (OSA), Akta Pertubuhan 1966 (Pindaan 1983) dan pelbagai akta lagi yang dianggap oleh sesetengah pihak terlalu draconian.

Ciri sistem politik demokrasi yang terpenting ialah bersifat responsif. Maksudnya, kerajaan dalam sesebuah negara demokrasi mestilah sentiasa mengambil kira tuntutan dan kehendak masyarakat. Dalam negara yang lebih moden, kehendak dan tuntutan rakyat bukan saja daripada pelbagai bentuk tetapi juga pelbagai ragam sifatnya. Rakyat dalam sistem demokrasi sering

mengadakan tindakan secara kolektif melalui pelbagai pertubuhan dan saluran seperti melalui NGO, media dan lain-lain. Unsur demokrasi ini juga terdapat dalam amalan negara kita. Di dalam Perlembagaan, misalnya, ada beberapa fasal yang menjamin hak yang berkaitan dengan aspek liberti dan penyertaan. Perkara 5-13 dalam Perlembagaan menjelaskan kepada kita perkara berikut iaitu hak liberti peribadi dan keadilan. Bebas daripada perhambaan, perlindungan terhadap sebarang bentuk jenayah, hak sama rata di sisi undang-undang, kebebasan bergerak dalam Malaysia, kebebasan bersuara dan berkumpul, kebebasan beragama, hak pendidikan dan hak memiliki harta.

Pandangan yang mengatakan Malaysia adalah sebuah kerajaan autoritarian itu agak tidak tepat kerana kalau kita amati, masih ada amalan ciri-ciri demokrasi yang meluas di dalam sistem politik Malaysia. Ini kerana bukan saja hak rakyat dijamin di dalam Perlembagaan, aktiviti pilihan raya, parti politik, NGO, kebebasan media dan seumpamanya turut diamal dan dibenarkan di Malaysia. Sebaliknya agak sukar untuk mengatakan Malaysia ialah sebuah negara yang mengamalkan sistem politik demokrasi. Ini memandangkan masih ada sedikit sebanyak sekatan sama ada melalui akta ataupun media itu sendiri.

Sebenarnya Malaysia mengamalkan kombinasi kedua-dua ciri sistem politik iaitu autoritarian dan demokrasi secara serentak. Pada sesetengah pihak, kerajaan perlu mengamalkan sistem autoritarian. Pandangan ini bersesuaian dengan sesetengah sarjana sama ada ilmuan politik, penganalisis politik mahupun golongan orang asing yang antara lainnya termasuklah John Montgomery dan Milton Esman. Umumnya bagi mereka, sistem autoritarian adalah lebih baik untuk negara yang mempunyai pelbagai masalah seperti kesenjangan ekonomi, perbezaan agama dan bangsa dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia. Pada pandangan saya, sistem demokrasi tulen perlu diamalkan di Malaysia sekiranya rakyat bukan saja memahami kehendak dalam sistem itu, malah bersedia bertanggungjawab terhadap amalannya. Perjuangan persamaan hak dan kebebasan misalnya adalah elemen penting dalam demokrasi, tetapi perjuangan itu haruslah diiringi dengan rasa tanggungjawab terhadap hak golongan lain dan juga tanggungjawab terhadap menjaga kestabilan politik dan negara.

Kalau kita perhatikan dengan teliti, selain daripada mengamalkan gabungan kedua-dua sistem itu (autoritarian dan demokrasi), Malaysia juga turut mengamalkan beberapa unsur utama yang terkandung dalam sistem politik Islam dan sistem politik yang ada dalam tamadun timur. Antara faktor yang menyebabkan terdapatnya unsur Islam itu ialah kerana negara Malaysia yang merdeka ini dirintis oleh pemimpin yang mempunyai latar belakang Islam. Sewaktu pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, pelbagai usaha dibuat untuk memasukkan unsur Islam. Daripada satu pemimpin ke pemimpin yang lain iaitu daripada Tunku Abdul Rahman kepada Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Islam teguh menjadi agama rasmi negara. Malaysia adalah salah satu contoh negara yang masih kuat identiti Islamnya meskipun dijajah bangsa Barat. Malah selepas 41 tahun merdeka, identiti Islam sama ada dari segi simbol atau penghayatannya menjadi semakin kuat dalam sistem politik di Malaysia.

Dengan adanya ketiga-tiga gabungan sistem iaitu autoritarian dan demokrasi serta sistem politik Islam, Malaysia berjaya mengekal dan mengukuhkan kestabilan politiknya. Pertumbuhan ekonomi dicapai oleh Malaysia adalah kerana kestabilan politik yang terhasil daripada gabungan semua sistem berkenaan. Satu hakikat yang tidak dapat dinafikan bahawa kestabilan politik itu amatlah penting bagi menjamin pertumbuhan ekonomi sebagaimana yang pernah diungkap oleh sarjana politik bahawa kestabilan politik adalah prasyarat kepada pertumbuhan ekonomi. Malah jika dibandingkan dengan negara Asia Tenggara yang lain, hasil amalan kombinasi

ketiga-tiga sistem politik, Malaysia masih dapat bertahan dalam keadaan ekonomi yang merudum ini.

Selain berupaya mengamalkan gabungan ketiga-tiga sistem politik itu secara serentak dan berkesan, seperkara lain yang istimewa mengenai Malaysia ialah kerana kebolehannya pada satu masa bersifat autoritarian dan dalam keadaan yang lain bersifat demokrasi serta begitu juga dalam masa yang lain menekankan aspek Islam. Justeru itulah kerajaan boleh dengan mudah mengambil tindakan bagi mengatasi pelbagai masalah seperti masalah kegawatan ekonomi sekarang. Ini dapat dilihat apabila kerajaan tanpa banyak soal jawab dapat melaksanakan skim pemotongan gaji sebanyak 10 peratus termasuklah di kalangan menteri, menteri besar dan exco kerajaan negeri. Malah, dalam isu pembelian ekuiti dalam syarikat Bumiputera, kerajaan menonjolkan imej demokrasi apabila kaum lain dibenarkan membeli ekuiti berkenaan. Pada masa yang sama juga, unsur kesejagatan dalam Islam itu terus dipupuk dalam program kerajaan menerusi dasar penerapan nilai Islam.

Kesimpulannya, janganlah hendaknya dengan mudah kita terikut-ikut atau terus membantah sebarang pandangan tanpa meneliti bagi mewujudkan sistem politik yang sempurna tanpa memberi perhatian yang lebih terhadap apakah hasil yang boleh diterima daripada amalan sesuatu sistem politik. Sesuatu yang harus diingat ialah bahawa memerintah dengan cara kuku besi semata-mata tidak semestinya menjanjikan orde dan stabiliti. Manakala menerima secara bulat-bulat amalan sistem demokrasi yang mementingkan liberti dan penyertaan akan hanya mengundang suasana anarki yang tidak terkendali. Begitu juga dengan mengamalkan sistem politik Islam secara membuta tuli tidak akan mengangkat martabat agama itu di tempat yang tinggi. Oleh itu, seperti yang dibuktikan di Malaysia, gabungan pelbagai sistem sama ada autoritarian, demokrasi dan Islam adalah satu model yang bukan saja terbukti berkesan di Malaysia malah jika perlu, boleh menjadi contoh sesetengah negara lain.

(END)